

Kedah perintis Sanggar Budaya IPT

Jerlun: Kedah dipilih lokasi pertama program perintis Sanggar Budaya 1Malaysia Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2013.

Ia disertai 200 peserta terdiri daripada penuntut IPT dan murid Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Hitam dan SK Seri Muda di sini.

Program lima hari sehingga Ahad ini anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mendapat kerjasama Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan Pejabat Menteri Besar Kedah.

Selain USIM, program yang diadaptasikan daripada Khidmat Seni Budaya diperkenalkan USIM sejak 2007 itu turut disertai Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Kolej Antarabangsa Sains dan Teknologi Melaka (MiCoST).

Pengarah program, Ismail Ahmed, berkata program itu menggabungkan 84 penuntut IPT dari 14 negara termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Afghanistan, Iran, China, Brunei, Jepun, Sudan, Somalia, Nigeria, Thailand, Yaman dan Republik Chad.

Didik budaya, seni

Katanya, program kesenian dan kebudayaan yang dibawa kepada masyarakat luar bandar itu turut berteraskan kepada pembabitan bersama masyarakat sebagai elemen penting dalam merealisasikan hasrat mendidik masyarakat mengenai budaya dan seni.

Menerusi program itu, peserta termasuk masyarakat kampung dapat menghayati silang budaya daripada negara kita serta negara luar yang dibawa penuntut antarabangsa IPT masing-masing.

"Kebanyakan penuntut IPT yang juga dikenali sebagai 'ra-



Ketua kumpulan koir MiCoST, Siti Shahada Mohamad Ali (kiri) memberi tunjuk ajar kepada pelajar Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam yang akan membuat persembahan pada majlis sanggar budaya di Wisma UMNO Jerlun.
[FOTO AMRAN HAMID/BH]

kan seni budaya' terdiri daripada mereka yang aktif dan berminat dalam bidang kebudayaan dan kesenian di kampus masing-masing," katanya selepas meninjau persiapan akhir peserta di SK Ayer Hitam di sini, semalam.

Manifestasi Seni yang bakal memperlihatkan pelbagai persembahan termasuk gamelan, kasidah, cak lempong, tarian, koir, nasyid, puisi, zapin dan muzik akustik dijadualkan berlangsung di Wisma UMNO Jerlun, hari ini.